

03 NOV 2002  
SPR-Pengundi  
SPR DAN JPN SEDANG KAJI CARA KESAN PENGUNDI HANTU

KUALA TERENGGANU, 3 Nov (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihanraya sedang bekerjasama rapat dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengenal pasti pengundi hantu yang terdapat dalam senarai daftar pemilih, kata Setiausaha SPR Datuk Wan Ahmad Omar.

Beliau berkata kerajaan telah memaklumkan kepada SPR mengenai wujudnya kira-kira 2.8 juta pengundi yang alamat dalam kad pengenalan mereka tidak sama dengan alamat dalam senarai daftar pemilih.

"Kami (SPR) sedang jalankan kajian untuk mengenal pasti sama ada mereka pengundi sah atau pengundi hantu, dan kita juga jalankan kajian sama ada wujud penipuan sehingga berlakunya perkara itu," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran kempen daftar dan penyerahan daftar pemilih Umno negeri Terengganu di sini hari ini.

Kempen yang dijalankan oleh Umno itu dilancarkan oleh Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga pengerusi Jawatankuasa Keahlian dan Pendaftaran Pemilih Umno.

Wan Ahmad berkata SPR dan JPN menghadapi masalah untuk mengenal pasti status pengundi-pengundi itu kerana jumlah mereka terlalu besar.

Beliau meminta parti-parti politik untuk membantu SPR dalam kajian itu.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ada pihak tertentu memindahkan 2.8 juta pengundi berdaftar ke kawasan lain yang tiada kena mengena dengan mereka.

Wan Ahmad berkata usaha untuk menjalankan kajian itu bagi membersihkan senarai nama pemilih mungkin mengambil masa yang panjang memandangkan jumlah itu terlalu besar dan SPR serta JPN tidak mempunyai kakitangan yang ramai.

Beliau berkata jika kajian mendapati ada pengundi yang mendaftar di luar kawasan mereka dilahirkan atau tempat mereka bekerja, tidak mempunyai rumah atau keluarga di kawasan itu, SPR akan memindahkan mereka ke kawasan yang mengikut alamat di dalam kad pengenalan mereka

Bagaimanapun, daripada jumlah 2.8 juta pengundi itu tidak semua mereka merupakan pengundi hantu kerana terdapat juga pengundi sah yang telah lama mendaftar di bawah Peraturan-peraturan Pilihan Raya Pendaftaran Pemilih 1971 yang telahpun dimansuhkan, katanya.

Beliau berkata selagi nama pengundi tercatat dalam senarai daftar pemilih, mereka mempunyai hak dan dilindungi oleh undang-undang untuk dibenarkan mengundi dalam sebarang pilihan raya di kawasan mereka mendaftar.

Di Putrajaya, Najib berkata walaupun tidak semestinya semua pembangkang terlibat tetapi apa yang pasti ialah pembangkang telah melaksanakan program pemindahan secara terancang dan secara menyeluruh.

Beliau berkata SPR dan JPN perlu menyiasat perkara itu tanpa sebarang telunjuk mana-mana badan politik, bagi memastikan prinsip dan amalan demokrasi tulen terjamin.

--BERNAMA  
SN NSM AFY MAI